


BAYAN NURI
Long-tailed Parakeet

FAMILI: Psittacidae
NAMA SAINTIFIK: *Psittacula longicauda*



CIRI-CIRI: Individu dewasa mempunyai bahagian tepi kepala dan sekeliling leher berwarna merah jambu kemerahan dan bahagian atas kepala berwarna hijau gelap. Ia mempunyai jalur-jalur berwarna hijau gelap di bahagian kepala, warna hijau kebiruan pudar di bahagian sayap, bahagian atas ekor pula berwarna hijau kebiruan hingga hijau, bahagian atas badan berwarna hijau kekuningan, biru tua pudar di bahagian sayap luar dan mempunyai ekor yang panjang berwarna biru keunguan gelap di mana di bahagian bawah ekor tersebut berwarna hijau buah zaitun pudar. Paruh berwarna merah di bahagian atas manakala di bahagian bawah pula berwarna gelap. Semasa terbang, bahagian bawah sayap berwarna kehitaman dengan campuran warna kuning. Bagi burung betina, bahagian belakang dan tepi kepala berwarna hijau, bahagian atas kepala dan bahagian atas badan berwarna hijau gelap dengan bahagian tongkeng dan bahagian atas ekor berwarna hijau muda, paruh berwarna coklat pudar, ekor yang agak pendek, terdapat garisan di bahagian atas mata yang berwarna merah jambu kemerahan.

SAIZ: Panjang keseluruhan burung dewasa adalah di antara 40.0 - 42.0 sm. Berat 168-196 g.

MAKANAN: Buah-buahan, bijian, putik bunga dan nektar.

HABITAT: Boleh dijumpai di kawasan hutan tanah pamah, hutan paya air tawar, kawasan pertanian, kawasan paya bakau dan kawasan tanah rendah.

BUNYI: Burung ini mengeluarkan bunyi *pee-yo pee-yo pee-yo*... yang bernada tinggi dan bermelodi dan seringkali *graak graak graak* dan juga *cheet*.

PEMBIAKAN: Musim pembiakan daripada bulan Disember hingga Julai pada setiap tahun. Sarang dibina pada lubang-lubang di bahagian pokok dan ketinggian sarang adalah 4-45 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-3 biji telur dan warna telur adalah putih. Anggaran saiz telur adalah 30.6 x 24.7 mm.

STATUS: Akta 76/72, dipelihara. IUCN, hampir terancam.